




KUIZ SEMPENA RAMADAN AL-MUBARAK

***ANJURAN PANITIA PENDIDIKAN ISLAM
&
BAHASA ARAB***



Isi kotak kosong dengan huruf yang betul.



MELINTANG

1. Diantara ganjaran Lailatul Qadar ialah berzikir dan.....
3. Apakah yang diturunkan pada 17 Ramadan
4. Siapakah yang turun membawa rahmat dan keberkatan

MENEGAK

2. Malam Lailatul Qadar lebih baik dari..... bulan
5. Apakah malam yang menyimpan ganjaran istimewa pada 10 malam terakhir

Klik jawapan yang betul.

1. Mengapakah bulan Ramadhan dianggap sebagai bulan yang paling mulia dalam Islam?
 - A. Banyak cuti sekolah
 - B. Al-Quran diturunkan dan banyak keberkatan
 - C. Banyak makanan
 - D. Semua orang bercuti

2. Apakah hikmah syaitan dibelenggu pada bulan Ramadhan?
 - A. Supaya manusia bebas melakukan apa sahaja
 - B. Supaya manusia lebih mudah melakukan kebaikan
 - C. Supaya manusia boleh tidur
 - D. Supaya manusia tidak perlu beribadah

3. Malam Lailatul Qadar lebih baik daripada 1000 bulan. Apakah maksudnya?
 - A. Malam yang panjang
 - B. Ibadah pada malam itu mendapat pahala sangat besar
 - C. Semua orang tidur
 - D. Malam yang sejuk

4. Berdasarkan Surah Al-Baqarah ayat 183, apakah tujuan utama diwajibkan berpuasa?
 - A. Untuk menahan lapar
 - B. Untuk mengurangkan berat badan
 - C. Untuk mencapai ketakwaan kepada Allah
 - D. Untuk berehat

5. Antara berikut, yang manakah bukan syarat wajib berpuasa?

- A. Baligh
- B. Berakal
- C. Mampu berpuasa
- D. Kaya

6. Mengapakah orang yang hilang akal sepanjang hari tidak wajib berpuasa?

- A. Kerana mereka tidak mahu
- B. Kerana tidak memenuhi syarat berakal
- C. Kerana mereka sibuk
- D. Kerana mereka lapar

7. Apakah yang perlu dilakukan oleh seseorang yang batal puasanya tanpa sebab yang dibenarkan?

- A. Tidak perlu buat apa-apa
- B. Menggantikan puasa tersebut (qada)
- C. Berhenti berpuasa selamanya
- D. Membayar denda sahaja

8. Mengapakah niat puasa perlu dilakukan sebelum waktu Subuh?

- A. Supaya cepat bangun
- B. Kerana niat adalah syarat sah puasa
- C. Supaya tidak mengantuk
- D. Supaya boleh makan lagi

9. Apakah kelebihan berniat puasa sebulan pada awal Ramadhan?

- A. Supaya tidak perlu makan
- B. Sebagai persediaan jika terlupa niat pada malam tertentu
- C. Supaya boleh tidur
- D. Supaya cepat berbuka

10. Mengapakah bersahur walaupun sedikit makanan digalakkan dalam Islam?

- A. Supaya kenyang sepanjang hari
- B. Kerana bersahur adalah sunnah Nabi SAW dan memberi tenaga
- C. Supaya boleh makan banyak
- D. Supaya tidak perlu berbuka

11. Mengapakah umat Islam digalakkan menyegerakan berbuka puasa?

- A. Supaya cepat makan
- B. Kerana ia merupakan sunnah Rasulullah SAW
- C. Supaya boleh tidur awal
- D. Supaya tidak lapar

12. Mengapakah memasukkan sesuatu ke dalam rongga seperti hidung atau mulut dengan sengaja membatalkan puasa?

- A. Kerana ia menyakitkan
- B. Kerana ia dianggap seperti makan atau minum
- C. Kerana ia perbuatan pelik
- D. Kerana ia mengambil masa

13. Apakah maksud muhasabah diri yang digalakkan pada bulan Ramadhan?

- A. Menjaga diri
- B. Menilai dan memperbaiki diri daripada kesilapan
- C. Mengira makanan
- D. Mengira masa

14. Mengapakah kita digalakkan mengurangkan penggunaan media sosial pada bulan Ramadhan?

- A. Supaya telefon rosak
- B. Supaya lebih fokus kepada ibadah
- C. Supaya tidak batal puasa
- D. Supaya tidak bercakap

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

1. Al-Quran mula diturunkan pada _____ Ramadan.
2. Perang Badar berlaku pada _____ Hijrah.
3. Pembukaan Kota Makkah berlaku pada _____ Ramadan.
4. Lailatul Qadar berlaku pada _____ malam terakhir bulan Ramadan.
5. Ganjaran beribadah pada malam Lailatul Qadar lebih baik daripada _____ bulan.
6. Umat Islam digalakkan melakukan _____ di masjid jika mampu.

**TAHNIAH!!!
ANDA TELAH SELESAI
MENJAWAB**